



Dua buah PPV tambahan dibuka di Rembau



KHAIRY Jamaluddin ketika melawat PPV yang akan dibuka di Kompleks Pusat Islam Rantau, Rembau hari ini.-UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN.

Oleh ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI 22 Jun 2021, 3:38 pm

REMBAU: Sebanyak dua buah Pusat Pemberian Vaksin (PPV) lagi akan dibuka di daerah ini pada hujung bulan ini sebagai tambahan bagi meningkatkan jumlah pemberian vaksin kepada rakyat.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi yang juga Ahli Parlimen Rembau, Khairy Jamaluddin berkata, pembukaan dua buah PPV itu juga bagi menangani situasi sukar terutamanya kepada penduduk di Rantau yang terpaksa ke Seremban untuk mendapatkan vaksin Covid-19 mereka.


“Sebuah PPV di Kompleks Pusat Islam Rantau di sini dicadang untuk dibuka bagi menambah PPV sedia ada di Rembau, ia khusus buat penduduk di Rantau yang ketika ini terpaksa ke Seremban untuk mendapatkan vaksinasi. Kami mahu kurangkan pergerakan mereka untuk menerima vaksin dan ia akan mula beroperasi Julai ini.

"Saya juga telah meluluskan pembukaan sebuah lagi PPV di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Rembau yang akan beroperasi bulan Julai ini dan juga melihat beberapa lokasi lain untuk kawasan Senawang dan Paroi," katanya.

Beliau yang juga Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke cadangan lokasi PPV yang akan dibuka di Kompleks Pusat Islam Rantau, dekat sini hari ini.




Menurut Khairy lagi, apabila dibuka kelak, PPV Kompleks Pusat Islam Rantau mampu memberi suntikan maksimum 400 dos sehari manakala di UiTM Rembau sebanyak 1,000 penerima sehari.

"Berkemungkinan boleh menggunakan konsep pandu lalu di Kompleks Balai Islam Rantau ini bagi dos kedua suntikan," katanya lagi. -UTUSAN ONLINE



BERITA SELANJUTNYA




by



Pulau Pinang batal hasrat dapat sendiri vaksin,...

Free Download. Winning E-Commerce Trend...




Jumlah 2.3 juta rakyat divaksin masih rendah



Inilah Cara Menjana Wang dengan Bitcoin

Gambar hantu dirakam ketika bangunan...

Tiada kerajaan macam ini di dunia!



Rahsiakan status positif

Agihan dos di Selangor

SOP: Perang siapa salah





Harap kerajaan faham- Shuhaimi Lua

23 Jun 2021, 11:00 am



Bapa beri bayi minum arak direman 5 hari

23 Jun 2021, 10:51 am



Lebih lima juta orang jadi jutawan pada tahun lalu

23 Jun 2021, 10:45 am



Shahidan jangan putar belit tempoh 14 hari, kata Puad

23 Jun 2021, 10:42 am





Serius berpolitik, Hans enggan berlakon lagi?

Sumbat syabu, heroin dalam mesin basuh buruk


Jerman waspada 'si licik' Hungary

Pengurus MARDI didakwa salah guna kuasa

Pernah lalui zaman gelap, terlalu cintakan manusia – Rita Rudaini

Bapa beri bayi minum arak direman lima hari

BERITA BERKAITAN





Harap kerajaan faham- Shuhaimi Lua

23 Jun 2021, 11:00 am



Bapa beri bayi minum arak direman 5 hari

23 Jun 2021, 10:51 am



Lebih lima juta orang jadi jutawan pada tahun lalu

23 Jun 2021, 10:45 am





Shahidan jangan putar belit tempoh 14 hari, kata Puad

23 Jun 2021, 10:42 am



PREMIUM

LANGGANAN

Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.

Terma dan Syarat
Hubungi Kami